

Persepsi Literasi Fizikal dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah

(*Perceived Physical Literacy Among Physical Education Teachers In Primary School*)

Ahla-Wardah Mohd Amin^{1*}, Denise Koh Choon Lian¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

* Pengarang Koresponden: ahlawardahmohdamin@gmail.com

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.11>

Abstrak: Literasi fizikal merujuk kepada tahap motivasi, keyakinan diri, kemahiran motor dan pengetahuan tentang pentingnya mengamalkan gaya hidup yang aktif. Guru Pendidikan Jasmani (PJ) sekolah rendah memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan motor murid. Guru PJ yang mempunyai tahap literasi fizikal yang tinggi boleh menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan. Maka, kajian ini bertujuan mengenalpasti persepsi literasi fizikal guru PJ sekolah rendah. Borang soal selidik diberikan secara atas talian kepada guru besar melalui aplikasi Telegram. Seramai 279 orang guru PJ (126 orang lelaki dan 153 orang perempuan) sekolah rendah di Kuala Lumpur telah melengkapkan soal selidik atas talian dalam tempoh pengumpulan data. Hasil dapatan kajian mendapati tahap persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru PJ adalah tinggi ($min = 4.24$, $sp = 0.518$). Kajian turut meninjau perbezaan persepsi literasi fizikal guru berdasarkan beberapa faktor demografi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lelaki ($min = 4.34$, $sp = 0.450$), guru yang lebih muda (umur <25 tahun) ($r = -0.130$, $p=0.030$), guru yang mempunyai pengalaman mengajar PJ lebih lama (>11 tahun) ($min = 4.41$, $sp = 0.504$) dan guru opsyen PJ mempunyai persepsi literasi fizikal yang lebih tinggi ($min = 4.44$, $sp = 0.422$). Dapatan turut menunjukkan guru berbangsa Melayu ($min = 4.36$, $sp = 0.464$) mempunyai persepsi literasi fizikal lebih tinggi berbanding guru lain. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa adalah penting untuk menghantar guru terlatih dalam PJ untuk mengajar mata pelajaran PJ kerana mereka bukan sahaja boleh menjadi contoh kepada murid, malah mereka mungkin lebih efektif sebagai guru PJ yang boleh menyokong perkembangan literasi fizikal murid.

Kata Kunci: literasi fizikal, pendidikan jasmani, guru PJ

Abstract: Physical literacy refers to the level of motivation, self-confidence, motor skills and knowledge of the importance of practicing an active lifestyle. Physical Education (PE) teachers in primary school play an important role in supporting student motor development. PE teacher who is physically literate can deliver more effective teaching. This study aims to explore perception of physical literacy among PE teachers in primary school. An online questionnaire was distributed to headmasters of primary school in Kuala Lumpur through the Telegram application. A total of 279 primary school PE teachers (126 male and 153 female) in Kuala Lumpur completed the online questionnaire. The results of the study found that the perception of the physical literacy level among PE teachers is high ($m = 4.24$, $sd = 0.518$). The study also examined the differences in teachers' physical literacy perceptions based on several demographic factors. Findings showed that male teachers ($m = 4.34$, $sd = 0.450$), younger

teachers (age < 25 years old) ($r = -0.130$, $p=0.030$), teachers with longer PE teaching experience (> 11 years) ($m = 4.41$, $sd = 0.504$) and teachers trained in PE have higher perception of physical literacy ($m = 4.44$, $sd = 0.422$). The findings also show that Malay teachers ($m = 4.36$, $sd = 0.464$) have higher perception of physical literacy compared with others teachers. Overall, the findings from this study showed that it may be important to have trained PE teachers teach PE lessons because not only can they be a role model for their students, but they may also be PE teachers who can better support the development of their students' physical literacy through more effective PE lessons.

Keywords: physical literacy, physical education, PE teacher

1. Pengenalan

Konsep literasi fizikal dicadangkan oleh Dr. Margaret Whitehead pada tahun 1993 di 'The International Association of Physical Education and Sport for Girls and Women Congress' di Melbourne, Australia. Definisi dan konsep literasi fizikal telah diperkenalkan dalam kajian tersebut. Literasi fizikal ialah motivasi, keyakinan, kompetensi fizikal, pemahaman dan pengetahuan untuk menghargai dan mengambil tanggungjawab untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dan sukan sepanjang hayat. Dalam matlamat kurikulum mata pelajaran PJKK terkandung keempat-empat elemen literasi fizikal. Mata pelajaran PJKK yang diajar di sekolah seharusnya dapat membentuk literasi fizikal dalam diri murid. Individu dengan literasi fizikal dapat dilahirkan melalui pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan. Sebelum pengajaran dan pembelajaran berkesan dapat dicapai, guru itu sendiri perlulah mempunyai literasi fizikal yang tinggi. Guru merupakan suri teladan kepada murid. Guru yang mengajar PJ mesti mempunyai kemahiran dalam sukan, berkeyakinan dalam melakukan sukan serta mampu memotivasikan diri dan orang lain dalam mengamalkan sukan demi kesejahteraan kesihatan diri sepanjang hayat.

Kehidupan masa kini yang menjurus kepada kehidupan yang berteknologi sedikit sebanyak mempengaruhi cara hidup murid. Murid pada masa kini dilihat kurang melakukan aktiviti fizikal dalam kehidupan harian mereka. Murid sekolah zaman kini juga dilihat lebih tertarik dengan gajet berbanding aktiviti fizikal. Penggunaan teknologi moden telah mengubah perkembangan mereka. Menurut *World Health Organization* (2011), penglibatan tidak aktif dalam aktiviti fizikal telah menjadi satu isu kesihatan yang dihadapi di seluruh dunia. *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) pada tahun 2015, yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati sebanyak 33.5% daripada rakyat Malaysia adalah tidak aktif secara fizikal. Kurang melakukan aktiviti fizikal akan menyebabkan banyak kesan negatif kepada individu itu sendiri. Perkara ini yang perlu diperbetulkan dari peringkat akar umbi lagi. Adalah penting kesedaran tentang literasi fizikal diterapkan dalam diri murid agar mereka tahu tentang kepentingan mengamalkan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru PJ memainkan peranan penting untuk membentuk murid yang lebih cergas dan mengamalkan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian. Guru PJ dengan literasi fizikal yang baik amat penting untuk pengajaran PJ. Melalui mata pelajaran PJKK, guru berperanan untuk membantu membentuk peribadi murid menjadi lebih cergas dan aktif. Dengan itu, individu dengan literasi fizikal yang tinggi dapat dilahirkan.

2. Ulasan Kajian Lepas

Konsep literasi fizikal pertama kali dicadangkan pada tahun 1993 dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh Margaret Whitehead di *International Association of Physical Education and Sport for Girls and Women Congress* di Melbourne, Australia. Daripada kajian ini, konsep literasi fizikal telah berkembang dan definisinya telah dirumuskan. Disamping itu implikasi literasi fizikal telah menjadi matlamat untuk semua. Dari tahun 1993 hingga sekarang, telah banyak kertas kerja dibentangkan di persidangan seluruh dunia. Persidangan pertama adalah pada tahun 2008 di Universiti Bedfordshire dan diikuti dengan bengkel di Loughborough, Plymouth, Canterbury dan Derbyshire.

Elemen penting dalam setiap persidangan mengambil masa yang panjang untuk dibincangkan bagi setiap bahagian. Konsep literasi fizikal yang dibangunkan adalah hasil daripada perbincangan-perbincangan ini. Sebagai contoh, tanggapan bahawa literasi fizikal adalah karakter tercetus daripada persidangan yang dibuat di Canterbury. Tanggapan literasi fizikal sebagai perjalanan tercetus daripada persidangan di Plymouth. Manakala sistem carta diperkenalkan pada persidangan di Derbyshire dan implikasi untuk amalan telah diketengahkan semasa persidangan di Loughborough. Persidangan kedua pada tahun 2011 di Universiti Bedfordshire adalah berfokuskan kepada literasi fizikal bagi peringkat pendidikan awal kanak-kanak serta pendidikan rendah. Kemudian, persidangan kebangsaan ketiga diadakan pada tahun 2013 di Pusat Persidangan Wyboston Lakes, Bedfordshire. Persidangan tersebut memfokuskan pada literasi fizikal dalam fasa pendidikan menengah. Pada akhir persidangan ini juga konsep pembentukan persatuan antarabangsa telah dibincangkan. Daripada perbincangan tersebut maka tertubuhlah *International Physical Literacy Association* (IPLA).

Whitehead (2013), pakar bidang literasi fizikal mendefinisikan literasi fizikal sebagai kecenderungan yang diperolehi oleh individu yang merangkumi motivasi, keyakinan, kecekapan fizikal, pengetahuan dan memahami bahawa aktiviti fizikal sebagai elemen penting dalam gaya hidup mereka. Selain itu, Corbin (2016) menegaskan bahawa literasi fizikal menyediakan asas kepada sukan elit dan kesihatan umum. Manakala pendidikan jasmani pula adalah sekadar istilah yang digunakan untuk meningkatkan persepsi orang ramai. *Physical and Health Education Canada* (PHE Canada) 2010, menyatakan bahawa individu yang mempunyai literasi fizikal boleh bergerak dengan cekap dan yakin dalam apa jua aktiviti fizikal dalam pelbagai persekitaran yang memberikan faedah kepada perkembangan kesihatan secara menyeluruh. Menurut *International Physical Literacy Association* (IPLA) 2017, literasi fizikal boleh digambarkan sebagai motivasi, kecekapan fizikal, keyakinan, pengetahuan dan pemahaman untuk menghargai dan mengambil tanggungjawab untuk terlibat dalam aktiviti fizikal untuk kehidupan.

Konsep literasi fizikal telah berkembang dengan semakin pesat (Young, O'Connor & Alfrey 2019; Robinson D.B., Lynn Randall & Joe Barrett, 2018). Giblin, Dave dan Chris (2014) menyatakan bahawa literasi fizikal telah menjadi bahagian yang penting dalam Pendidikan Jasmani dan bidang sukan. Konsep ini dapat dilihat digunakan secara meluas. Menurut Yang Liu dan Senlin Chen (2021) juga, literasi fizikal telah menjadi tumpuan dalam Pendidikan Jasmani di sekolah. Menurut Mandigo (2007), Kanada, United Kingdom, Australia dan New Zealand mempelopori inisiatif utama ini ke dalam pendidikan, komuniti dan kesihatan awam. Ianya demi meningkatkan penyertaan melalui aktiviti fizikal dan literasi fizikal.

McKean M (2013) pula mencadangkan agar kurikulum PJ sepatutnya mempunyai pendekatan literasi fizikal termasuklah kemahiran pergerakan asas. Beliau menegaskan bahawa

perkembangan literasi fizikal adalah kritikal demi kepentingan kesihatan jangka masa panjang. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, UNESCO* (2013), menegaskan bahawa PJ berkualiti adalah teras kepada kurikulum sekolah yang mana ianya penting untuk semua murid. Selain itu, ia juga amat penting bagi orang yang mengajar iaitu guru PJ. Kajian yang dijalankan oleh Edwards, L.C. et al. (2017) menunjukkan tiada instrumen untuk menilai literasi fizikal individu. Oleh yang demikian, penting untuk membina instrumen yang boleh digunakan untuk mengukur literasi fizikal bagi orang awam dan profesion yang mengajar murid PJ. Whitehead (2010), mengatakan peranan guru adalah penting dalam menerapkan literasi fizikal dalam PJ. Ianya penting agar generasi pada masa akan datang mempunyai kecekapan fizikal, pengetahuan, keyakinan dan memahami tentang nilai serta mempunyai rasa tanggungjawab untuk memastikan aktiviti fizikal dapat dilakukan sepanjang hayat. UNESCO dalam dokumen yang disiarkannya menerusi *Quality Physical Education Guidelines for Policy-Makers* mengatakan bahawa PJ ialah mata pelajaran paling berkesan dan efektif untuk membentuk kemahiran, sikap, nilai, pengetahuan dan pemahaman kepada murid tentang penglibatan seumur hidup dalam masyarakat. Selain itu, literasi fizikal adalah asas kepada PJ, ianya bukanlah satu program tetapi ia adalah hasil daripada PJ yang tersusun. Literasi fizikal akan dapat dicapai sekiranya murid mendapat peluang yang pelbagai serta sesuai dengan peringkat umur.

Menurut Balyi dan Hamilton (2004), perkembangan literasi fizikal ke arah penguasaan kemahiran asas fizikal seperti berlari, berenang, berbasikal, membaling dan menangkap bola, melompat serta pelbagai kemahiran asas fizikal perlu dikuasai sejak kecil lagi. Sama seperti penguasaan literasi dan numerasi. Kanak-kanak yang mempunyai literasi fizikal yang baik adalah lebih berkeyakinan dan bermotivasi dalam melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti fizikal yang memberi manfaat kepada kehidupan seharian (*Canadian Sport for Life*, 2014). Higgs (2010) menyatakan kanak-kanak juga dapat menunjukkan pelbagai pergerakan dalam aktiviti fizikal dengan yakin, cekap dan mampu menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi secara kreatif. Menurut Penney dan Chandler (2010), seharusnya literasi fizikal diterapkan diawal usia perkembangan kanak-kanak. Menurutny lagi, literasi fizikal bukan hanya tentang kemahiran spesifik serta kompetensi melalui aktiviti, tetapi memberi lebih fokus kepada aspek kemahiran dan kecekapan melalui aktiviti. Lisa Young et al. (2021) menyimpulkan bahawa literasi fizikal memainkan peranan penting dalam penyertaan sepanjang hayat melalui sekolah dan komuniti. Menurut Aspen Institute (2015), literasi fizikal mempunyai tiga komponen yang boleh dijangkakan agar aktiviti fizikal boleh dilakukan sepanjang hayat iaitu keyakinan, keupayaan dan keinginan. Individu yang mempunyai tiga komponen ini cenderung untuk kekal aktif lebih lama. Tiga komponen tersebut ialah keyakinan, keupayaan dan keinginan.

Sekolah merupakan organisasi yang paling bertepatan untuk mengembangkan literasi fizikal murid menerusi mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Kementerian Pendidikan Saskatchewan, Kanada (2010) jelas mendefinisikan literasi fizikal dan fokus terhadap mencapai literasi fizikal sebagai salah satu ciri pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan. Terdapat sedikit data yang menentukan amalan terbaik untuk membangunkan dan menilai literasi fizikal dalam Pendidikan Jasmani (Lounsbery & McKenzie, 2015). Sebilangan besar penyelidikan yang dilakukan merangkumi sarjana dan sarjana kedoktoran yang tidak diterbitkan McManes, 2013).

Oleh itu, bagi membentuk murid yang berliterasi fizikal yang baik, guru Pendidikan Jasmani terlebih dahulu perlu mempunyai literasi fizikal yang mantap. Whitehead (2010) menekankan peranan guru sangat penting dalam membangunkan dan memupuk perkembangan literasi fizikal dalam kalangan kanak-kanak. Menurut Armour dan Duncombe (2004) cara

penyampaian literasi fizikal kepada kanak-kanak memberikan implikasi yang penting untuk mencorak aktiviti masa depan mereka serta memberi impak kepada kesihatan serta kesejahteraan untuk jangka masa panjang. Constantinides et al. (2013) menyatakan bahawa guru pakar dan guru novis berpotensi mempengaruhi literasi fizikal dalam kalangan murid. Stoddart dan Humbert (2017) pula menyatakan bahawa guru pakar Pendidikan Jasmani mempunyai tahap keseronokan yang lebih tinggi, berkeyakinan dan berpengetahuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran PJ.

3. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dan merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Populasi kajian ini terdiri daripada 1029 orang guru yang mengajar mata pelajaran PJ di sekolah rendah sekitar Kuala Lumpur. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana ia melibatkan persampelan sekolah secara rawak berkelompok bagi daerah dalam Kuala Lumpur. Kaedah ini paling sesuai digunakan bagi mendapatkan maklumat secara terus daripada kumpulan sasaran.

Soal selidik dalam kajian ini menggunakan aplikasi atas talian yang mudah untuk diakses oleh responden. Soal selidik kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah soal selidik tentang sosio-demografi responden yang terdiri daripada 9 item iaitu jantina, umur, bangsa, tempoh pengalaman mengajar, tempoh pengalaman mengajar PJ, tahap kelulusan akademik, opsyen, jenis sekolah berkhidmat dan daerah sekolah berkhidmat. Manakala Bahagian B pula terdiri daripada 9 item untuk mengukur persepsi literasi fizikal responden. Persepsi literasi fizikal ini diukur menggunakan soal selidik "*Perceived Physical Literacy Instrument (PPLI) for Physical Education Teachers*" daripada kajian "*Construction and Validation of a Perceived Physical Literacy Instrument for Physical Education Teacher*" yang dijalankan oleh Sum RKW, Ha ASC, Sheng Cf, Chung PK, Yiu KTC, Kuo CC, et al. (2016). Soal selidik asal dalam Bahasa Inggeris telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Terjemahan soal selidik menggunakan kaedah penterjemahan *forward* oleh dua orang penterjemah yang berpengalaman mengajar Bahasa Inggeris selama lebih 10 tahun dan mempunyai latar belakang pendidikan Bahasa Inggeris. Hasil terjemahan yang dilakukan kemudiannya diterjemahkan kembali kepada Bahasa Inggeris menggunakan kaedah penterjemahan *backward*. Ia bertujuan untuk memastikan soal selidik yang diterjemah mempunyai maksud yang sama dengan soal selidik asal. Soal selidik yang digunakan telah dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya dalam kajian-kajian lepas. Kesemua 9 item tersebut menggunakan skala likert 1 hingga 5 iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Kurang Setuju (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5).

Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical package for Social Sciences (SPSS). Ujian-t digunakan untuk menguji Ho1, ujian korelasi Pearson untuk menguji Ho2 dan analisis varian sehala (ANOVA) bagi menguji hipotesis Ho3, Ho4, Ho5, Ho6 dan Ho7.

4. Dapatan Kajian

Hasil taburan kenormalan data berdasarkan ujian statistik *Skewness* dan *Kurtosis* menunjukkan pemboleh ubah kajian adalah berdistribusi normal iaitu mempunyai hasil ujian pemboleh ubah di antara ± 2 sisihan piawai. Oleh itu, data dalam kajian ini adalah sesuai untuk dilakukan

analisis selanjutnya. Sebanyak 279 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan dapatan taburan demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	126	45.2
Perempuan	153	54.8
Umur		
25 tahun ke bawah	26	9.3
26 - 30 tahun	66	23.7
31 - 35 tahun	52	18.6
36 - 40 tahun	61	21.9
41 - 45 tahun	43	15.4
46 - 50 tahun	10	3.6
51 tahun ke atas	21	7.5
Bangsa		
Melayu	168	60.2
Cina	92	33.0
India	16	5.7
Lain-lain	3	1.1
Tempoh pengalaman mengajar		
5 tahun ke bawah	85	30.5
6 - 10 tahun	76	27.2
11 - 15 tahun	53	19.0
16 tahun ke atas	65	23.3
Tempoh pengalaman mengajar PJ		
5 tahun ke bawah	150	53.8
6 - 10 tahun	81	29.0
11 tahun ke atas	48	17.2
Kelulusan akademik		
Sijil / Diploma	33	11.8
Ijazah	208	74.6
Sarjana	38	13.6
Opsyen Pendidikan Jasmani		
Major	63	22.6
Minor	91	32.6
Bukan opsyen	125	44.8
Jenis sekolah berkhidmat sekarang		
SK	167	59.9
SJK (C)	99	35.5
SKJ (T)	13	4.7
Daerah guru berkhidmat		
Keramat	65	23.3
Sentul	106	38.0
Bangsar Pudu	108	38.7

Persepsi Literasi Fizikal Guru Pendidikan Jasmani

Hasil kebolehpercayaan alfa Cronbach untuk persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah adalah 0.914 (9 item). Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif persepsi literasi fizikal responden.

Jadual 2: Taburan Demografi Responden

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
B1	Saya sihat secara fizikal berdasarkan umur saya.	1 (0.4)	4 (1.4)	25 (9.0)	143 (51.3)	106 (38.0)
B2	Saya mempunyai sikap positif dan minat dalam sukan.	2 (0.7)	4 (1.4)	32 (11.5)	120 (43.0)	121 (43.4)
B3	Saya menghargai diri saya atau orang lain yang melakukan sukan.	0 (0.0)	1 (0.4)	12 (4.3)	119 (42.7)	147 (52.7)
B4	Saya mempunyai kemahiran pengurusan diri untuk kecergasan.	1 (0.4)	3 (1.1)	45 (16.1)	150 (53.8)	80 (28.7)
B5	Saya mempunyai kemahiran penilaian diri untuk kesihatan.	1 (0.4)	1 (0.4)	47 (16.8)	153 (54.8)	77 (27.6)
B6	Saya mempunyai kemahiran sosial yang baik.	1 (0.4)	4 (1.4)	31 (11.1)	155 (55.6)	88 (31.5)
B7	Saya yakin dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan semulajadi.	0 (0.0)	2 (0.7)	27 (9.7)	160 (57.3)	90 (32.3)
B8	Saya mampu menangani masalah dan kesukaran.	0 (0.0)	0 (0.0)	28 (10.0)	183 (65.6)	68 (24.4)
B9	Saya sedar tentang manfaat sukan adalah berkait dengan kesihatan.	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (7.2)	111 (39.8)	148 (53.0)

Secara keseluruhannya persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru PJ di sekolah rendah di Kuala Lumpur adalah berada pada tahap yang tinggi (min = 4.24, SP = 0.518).

Perbezaan Persepsi Literasi Fizikal Guru Pendidikan Jasmani Berdasarkan Ciri Demografi

i) Jantina

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru lelaki (min = 4.34, sp = 0.450) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan (min = 4.15, sp = 0.555). Terdapat perbezaan yang signifikan persepsi literasi fizikal berdasarkan jantina guru [$t = 3.069, p=0.002$]. Dengan itu, Ho1 ditolak.

ii) Umur

Analisis Korelasi Pearson yang dijalankan enunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara umur dan persepsi literasi fizikal ($r=-0.130, p=0.030$). Semakin meningkat umur, semakin rendah persepsi literasi fizikal individu. Ho2 ditolak.

iii) Bangsa

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal yang signifikan [$F(3, 275) = 8.649, p < 0.001$] mengikut bangsa. Didapati persepsi literasi fizikal guru bangsa Melayu (min = 4.36, sp = 0.464) adalah lebih tinggi berbanding bangsa lain. Ho3 ditolak. Ujian post-hoc Tukey menunjukkan terdapat perbezaan min signifikan antara kumpulan guru bangsa Melayu dan Cina. Ujian juga menunjukkan min guru bangsa Melayu lebih tinggi berbanding bangsa India (min = 4.24, sp = 0.542), namun perbezaan ini adalah tidak signifikan.

iv) Tahap kelulusan akademik

Kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal yang signifikan [$F(2, 276) = 2.425, p = 0.090$] mengikut tahap kelulusan akademik guru. Ho4 adalah gagal ditolak.

v) Tempoh pengalaman mengajar

Kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal yang signifikan [$F(3, 275) = 0.627, p = 0.598$] berdasarkan tempoh pengalaman guru mengajar. Ho5 gagal ditolak.

vi) Tempoh pengalaman mengajar PJ

Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal yang signifikan [$F(2, 276) = 3.262, p = 0.040$] berdasarkan tempoh pengalaman mengajar mata pelajaran PJ. Ho6 ditolak. Ujian post-hoc-Tukey yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min signifikan bagi persepsi literasi fizikal antara kumpulan guru berpengalaman 11 tahun ke atas (min = 4.41, sp = 0.504) dengan guru berpengalaman 5 tahun ke bawah (min = 4.21, sp = 0.525). Walaupun dapatan menunjukkan min guru berpengalaman 11 tahun ke atas lebih tinggi berbanding guru berpengalaman 6 - 10 tahun (min = 4.20, sp = 0.497), namun perbezaan ini adalah tidak signifikan. Kesimpulannya, semakin lama pengalaman guru mengajar mata pelajaran PJ, semakin tinggi persepsi literasi guru.

vii) Opsyen

Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal yang signifikan [$F(2, 276) = 10.394, p < 0.001$] berdasarkan opsyen guru. Ho7 ditolak. Hasil ujian post-hoc Tukey yang telah dijalankan mendapati terdapat perbezaan min signifikan bagi persepsi literasi fizikal antara kumpulan guru opsyen major PJ (min = 4.44, sp = 0.422) dengan guru bukan opsyen (min = 4.10, sp = 0.563); dan juga antara kumpulan guru opsyen minor PJ (min = 4.29, sp = 0.459) dengan guru bukan opsyen (min = 4.10, sp = 0.563). Walaupun dapatan menunjukkan min guru major PJ lebih tinggi berbanding guru minor PJ, namun perbezaan ini adalah tidak signifikan. Kesimpulannya, guru dengan latar belakang opsyen PJ sama ada major atau minor mempunyai persepsi literasi fizikal yang lebih tinggi berbanding guru bukan opsyen.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru PJ sekolah rendah di Kuala Lumpur berada pada tahap yang tinggi. Dalam kajian ini, sebanyak tujuh hipotesis nol telah diuji. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dua daripada tujuh hipotesis nol tersebut gagal ditolak, manakala lima lagi hipotesis nol kajian ini telah ditolak.

5. Perbincangan dan kesimpulan

Hasil dapatan keseluruhan analisis menunjukkan tahap persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru PJ sekolah rendah di Kuala Lumpur adalah tinggi (min = 4.24, sp = 0.518). Seramai 279 responden telah terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan analisis kajian, didapati skor Setuju dan Sangat Setuju yang tertinggi (95.4%) adalah item B3 iaitu “Saya menghargai diri saya atau orang lain yang melakukan sukan”. Perkara ini menunjukkan bahawa guru PJ tahu menghargai individu lain dan diri sendiri yang mengamalkan sukan dalam kehidupan. Apabila guru mampu menghargai usaha seseorang untuk mengamalkan sukan secara tidak langsung guru tersebut dapat memotivasikan serta menggalakkan murid untuk terus sama-sama mengamalkan sukan dalam kehidupan seharian.

Manakala skor Setuju dan Sangat Setuju yang paling rendah (82.4%) di dalam dapatan kajian ini ialah item B4 dan B5 iaitu “Saya mempunyai kemahiran pengurusan diri untuk kecergasan” dan “Saya mempunyai kemahiran penilaian diri untuk kesihatan”. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa terdapat responden yang melihat diri mereka sebagai individu yang tidak berkemahiran dalam pengurusan diri untuk kecergasan dan tidak berkemahiran dalam penilaian diri untuk kesihatan. *National Association of Sport and Physical Education* (1992) telah menggambarkan bahawa golongan yang berpendidikan jasmani ialah individu yang cergas, aktif secara fizikal, berkemahiran, mengetahui faedah aktiviti fizikal dan menghargai gaya hidup aktif dan sihat. Oleh itu, guru PJ seharusnya mempunyai kemahiran pengurusan dan penilaian diri untuk kecergasan dan kesihatan agar dapat menonjolkan ciri-ciri literasi fizikal yang tinggi kepada murid secara berkesan. Guru yang menunjukkan ciri-ciri yang positif akan dijadikan sebagai suri teladan yang akan dicontohi murid. Hal ini seterusnya akan dapat memberi manfaat kepada murid dan seterusnya dapat melahirkan murid yang berliterasi fizikal tinggi. Guru merupakan agen penting dalam penyampaian kemahiran dan pengetahuan kepada murid. Oleh itu, keberkesanan pengajaran bergantung kepada tahap pengetahuan guru (De Konops et al., 2004) dan kompetensi guru (Stars & Strel, 2012). Menurut Tan et al. (2014), PJ membantu meningkatkan kemampuan murid melalui aktiviti fizikal, kognitif, sosial dan emosi.

Dalam beberapa pengujian hipotesis yang dibuat dalam kajian ini, didapati Ho1, Ho2, Ho3, Ho6 dan Ho7 adalah ditolak. Manakala Ho4 dan Ho5 adalah gagal ditolak. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lelaki mempunyai persepsi literasi yang lebih tinggi berbanding guru perempuan. Hal ini berkait rapat dengan minat individu terhadap sukan. Hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Fox dan Rickards (2002) yang menunjukkan bahawa perempuan kurang meminati sukan berbanding lelaki. Nathalie (2005) pula menyatakan bahawa minat perempuan terhadap sukan berkurangan apabila mereka meningkat dewasa (26 tahun ke atas). Ini adalah disebabkan oleh mereka lebih memberi fokus kepada kerjaya. Penumpuan kepada anak-anak dan keluarga turut menjadi faktor perempuan menjadi tidak aktif. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2019 juga menunjukkan bahawa penglibatan perempuan dalam sukan di Malaysia adalah lebih rendah (9485) berbanding lelaki (10193). Perkara ini bertepatan dengan dapatan kajian iaitu guru perempuan mempunyai skor persepsi literasi fizikal yang lebih rendah berbanding lelaki. Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (2018), juga menunjukkan skor penglibatan lelaki dalam sukan adalah lebih tinggi (65.7) berbanding perempuan (59.2). Kajian tersebut juga menunjukkan penglibatan sukan penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah pada tahap sederhana dengan skor indeks sebanyak 41.3%. Selain itu, hasil dapatan kajian ini turut menyokong kajian yang dijalankan oleh Baker, Heinrich dan Miller (2000). Kajian tersebut mendapati lelaki lebih cenderung di dalam sukan olahraga, kecergasan dan permainan berbanding perempuan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi literasi fizikal dengan umur. Didapati bahawa semakin meningkat umur individu, semakin rendah skor persepsi literasi fizikal mereka. Dapatan kajian ini menyokong Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (2018) yang menunjukkan bahawa tahap penglibatan dan kecintaan individu terhadap sukan semakin rendah apabila semakin meningkat usia. Didapati skor penglibatan sukan individu yang berumur 20-29 tahun adalah lebih tinggi (70.7) berbanding kumpulan umur 30-39 tahun (61.8) dan 40-59 tahun (53.2). Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan skor kecintaan individu terhadap sukan juga semakin menurun apabila semakin meningkat umur. Perkara ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap kesihatan, kesibukan menguruskan kehidupan harian, keluarga dan kerjaya. Oleh yang demikian, memandangkan persepsi literasi fizikal guru muda adalah lebih baik, maka pihak sekolah sewajarnya mempertimbangkan untuk memberi lebih banyak peluang kepada guru muda untuk mengajar mata pelajaran PJ. Melalui strategi guru muda ini, mata pelajaran PJ di sekolah boleh disampaikan dengan lebih baik lagi.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan persepsi literasi fizikal antara guru mengikut bangsa. Kajian mendapati bangsa Melayu mempunyai skor persepsi literasi fizikal lebih tinggi berbanding bangsa lain. Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (2018) yang menunjukkan skor penglibatan sukan bangsa Melayu lebih tinggi (53.5) berbanding Cina (52.0) dan India (50.3).

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi literasi fizikal antara guru mengikut tahap kelulusan akademik dan juga tempoh pengalaman mengajar. Hal ini menunjukkan bahawa latar belakang tahap kelulusan akademik dan tempoh pengalaman mengajar guru tidak mempengaruhi skor persepsi literasi fizikal.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan persepsi literasi fizikal antara guru mengikut tempoh pengalaman mengajar PJ. Didapati guru dalam kumpulan yang berpengalaman 11 tahun ke atas dalam mengajar mata pelajaran PJ mempunyai persepsi literasi fizikal yang lebih tinggi (min=4.41, sp=0.504) berbanding dengan guru berpengalaman 5 tahun ke bawah (min=4.21, sp=0.525). Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian De Knops et al. (2004) dan Grangeat dan Gray (2007) yang menyatakan bahawa tahap kompetensi guru dipengaruhi oleh pengalaman guru mengajar PJ. Selain itu, dapatan ini turut menyokong pendapat Mohar Kassim (2001) yang menyatakan bahawa masalah guru tidak berkecukupan atau kurang pengalaman mengajar mata pelajaran PJ merupakan salah satu penghalang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PJ di sekolah. Oleh yang demikian, pihak pentadbir sekolah perlu beri perhatian terhadap perkara ini. Adalah diharapkan agar pihak pentadbir di sekolah tidak menukar guru yang mengajar mata pelajaran PJ terlalu kerap. Guru juga perlu diberi tempoh pengalaman mengajar PJ lebih lama terutamanya bagi guru yang baru mula bekerja agar guru menjadi lebih yakin dan dapat mengajar dengan lebih baik. Tempoh pengalaman yang lebih lama menjadikan guru lebih efektif dalam pengajaran.

Dalam kajian ini juga, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan persepsi literasi fizikal guru mengikut opsyen. Kumpulan opsyen dibahagikan kepada tiga iaitu opsyen major PJ, opsyen minor PJ dan bukan opsyen PJ. Hasil daripada ujian yang dilakukan, didapati persepsi literasi fizikal guru opsyen major PJ (min=4.44, sp=0.422) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru bukan opsyen (min=4.10, sp=0.563); dan juga guru opsyen minor PJ (min=4.29, sp=0.459) dengan guru bukan opsyen. Kesimpulannya, guru opsyen PJ (major dan minor) mempunyai skor persepsi literasi fizikal yang lebih tinggi berbanding guru bukan

opsyen. Dalam kajian ini, sebanyak 125 orang (44.8%) daripada 279 orang responden yang mengajar mata pelajaran PJ sekolah rendah di Kuala Lumpur terdiri daripada guru bukan opsyen. Hal ini menunjukkan sekolah di Kuala Lumpur tidak menitik beratkan soal opsyen guru untuk mengajar mata pelajaran PJ. Pihak pentadbir sekolah sewajarnya memandang serius pembahagian tugas mengajar PJ bagi memastikan mata pelajaran PJ dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi impak yang besar kepada murid. Hasil dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian oleh Masurier dan Corbin (2006) yang menyatakan bahawa guru yang berkelayakan dan mempunyai opsyen dalam mata pelajaran PJ ataupun Sains Sukan berupaya menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih berkesan. Ini kerana guru berkelayakan memiliki pengetahuan pedagogi, kemahiran serta berkebolehan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Menurut Awang (2012), terdapat sebahagian sekolah yang mengarahkan guru yang tidak terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Morgan dan Bourke (2008) yang mendapati bahawa guru yang mengajar PJ tetapi bukan opsyen mempunyai tahap keyakinan yang rendah kerana mereka kurang latihan, pendedahan serta kurang berminat dalam PJ. Menurut beliau lagi, kekurangan pengetahuan dan pemahaman serta keupayaan fizikal memberikan kesan yang signifikan kepada keyakinan guru Pendidikan Jasmani. Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa guru opsyen PJ mempunyai persepsi literasi fizikal yang lebih baik berbanding guru bukan opsyen. Hal ini memandangkan guru opsyen PJ telah mempunyai asas yang kukuh dalam ilmu pengetahuan dan ilmu pedagogi mata pelajaran PJ. Oleh yang demikian, pengajaran mata pelajaran PJ di sekolah hendaklah diberikan kepada guru yang berkelayakan dalam bidang sukan dan mempunyai persepsi literasi fizikal yang tinggi agar pengajaran PJ di sekolah jadi lebih bermakna dan berkesan. Pihak sekolah tidak harus sewenang-wenangnya meletakkan guru bukan opsyen untuk mengajar PJ. Guru opsyen dan berkelayakan dalam bidang PJ mampu membentuk murid yang berliterasi fizikal menerusi pengajaran bermakna dan efisien. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa guru PJ sekolah rendah mempunyai persepsi literasi fizikal yang tinggi. Analisis kajian juga membuktikan bahawa guru lelaki, guru yang lebih muda (umur <25 tahun), guru bangsa Melayu, guru yang mempunyai pengalaman mengajar PJ lebih lama (>11 tahun) dan guru opsyen PJ mempunyai persepsi literasi fizikal yang lebih tinggi berbanding guru lain. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi literasi fizikal guru berdasarkan tahap kelulusan akademik dan tempoh pengalaman mengajar.

6. Penutup

Literasi fizikal adalah berkait rapat dengan mata pelajaran PJ. Kajian lepas telah membuktikan bahawa individu yang mempunyai literasi fizikal yang baik telah mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menyertai pelbagai aktiviti fizikal, mengetahui implikasi dan faedah penglibatan dalam pelbagai jenis aktiviti fizikal dan menyertai aktiviti fizikal secara kerap. Berdasarkan kepada keseluruhan hasil kajian, pengkaji melihat bahawa pentingnya mata pelajaran PJ diajar oleh guru yang mempunyai literasi fizikal yang tinggi. Seterusnya, guru PJ perlu sedar akan peranan mereka sebagai suri teladan kepada murid-murid di sekolah. Guru perlu memainkan peranan mereka sebaiknya bagi memastikan murid menerima contoh yang terbaik serta boleh dijadikan ikutan. Guru perlu menonjolkan kesedaran literasi fizikal dengan menunjukkan gaya hidup yang aktif kepada murid-murid. Contoh baik yang ditonjolkan guru mendorong murid untuk menjadi seperti guru. Selain itu, pihak pengurusan sekolah juga seharusnya cakna dalam menentukan guru yang mengajar mata pelajaran PJ di sekolah.

Pentadbir sekolah seharusnya memilih guru yang mempunyai latar belakang PJ untuk mengajar subjek PJ.

Selain itu juga, pihak sekolah disyorkan agar tidak terlalu kerap menukar guru yang mengajar mata pelajaran PJ setiap tahun. Pengalaman guru mengajar PJ dalam tempoh masa yang lebih lama menjadikan mereka lebih berkeyakinan ketika mengajar. Persepsi literasi fizikal mereka juga lebih tinggi. Guru yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang ini akan dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan kepada murid. Pengajaran yang berkesan secara tidak langsung akan dapat melahirkan minat murid terhadap mata pelajaran PJ dan dapat meningkatkan kemahiran mereka seterusnya dapat membina individu yang berliterasi fizikal. Oleh itu, dimasa akan datang adalah diharapkan dunia pendidikan mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak lagi diambil enteng. Sekiranya pihak sekolah dapat merancang dengan baik serta menggunakan kepakaran guru dalam bidang masing-masing pasti masyarakat yang dilahirkan pada masa akan datang menjadi masyarakat yang mempunyai ciri literasi fizikal yang tinggi dan sedar akan kepentingan gaya hidup aktif.

Kesimpulannya, penting bagi mata pelajaran PJ di sekolah diajar oleh guru yang terdiri daripada individu yang berkelayakan, berkemahiran tinggi, bermotivasi dan berpengetahuan luas dalam bidang sukan. Oleh itu, guru PJ dan pentadbir sekolah perlu sama-sama menggalas tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing bagi menjamin peningkatan keberkesanan pengajaran PJ di sekolah agar individu yang mempunyai literasi fizikal dapat dilahirkan sama ada dalam kalangan guru dan juga murid.

Rujukan

- Almond L. (2013). In: Translating physical literacy into practical steps: the role of pedagogy. International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE); 2013. No 65.
- Castelli D. M., Centeio E. E., Beighle A. E., Carson R. L., & Nicksic H. M. (2014). Physical literacy and comprehensive school physical activity programs. *Prevent Med* 2014;66:95e100.
- Charlton R., Michael B., Gravenor M. B., Rees A., Knox G., Hill R., et al. (2014). Factors associated with low fitness in adolescents: a mixed methods study. *BMC Public Health*, 14, 764.
- Coates J. (2011). Physically fit or physically literate? How children with special education needs understand physical education. *Eur Phys Edu Rev*, 17, 167e81.
- Cohen, Manion & Morrison. (2001). Determining Sample Size for Research Activities. *Education and Psychological Measurement*.
- Corbin, C. B. (2016). Implications of Physical Literacy for Research and Practice: A Commentary. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 87(1), 14-27.
- Corlett J., & Mandigo J. (2013). A day in life: teaching physical literacy. *Phys Health Edu*, 78, 18e24.
- Donnelly et al. (2016). Physical Activity, Fitness, Cognitive Function, and Academic Achievement in Children, *Medicine & Science in Sports & Exercise*, 48(6), p1197-1222.
- Dunne, R., & Wragg, T. (1997). *Effective Teaching*. London: Routledge.
- Edwards, L. C., Bryant, A. S., Keegan, R. J. et al. (2017). 'Measuring' Physical Literacy and Related Constructs: A Systematic Review of Empirical Findings. *Sports Med*, 48, 659–682. <https://doi.org/10.1007/s40279-017-0817-9>

- Edwards, L. C., Bryant, A. S., Keegan, R. J., Morgan, K., & Jones, A. M. (2017). Definitions, foundations and associations of physical literacy: A systematic review. *Sport Medicine*, 47, 113-126. PubMed ID: 27365029 doi:10.1007/s40279-016-0560-7
- Giblin S, Collins D, Button C. (2014). Physical literacy: importance, assessment and future directions. *Sports Med*, 44, 1177e85.
- Grangeat, Michel & Gray, Peter. (2007). Factors influencing teachers' professional competence development. *Journal of Vocational Education & Training*, 59, 485-501. 10.1080/13636820701650943.
- Gunnell, K. E., Longmuir, P. E., Barnes, J. D. et al. (2018). Refining the Canadian Assessment of Physical Literacy based on theory and factor analyses. *BMC Public Health*, 18, 1044.
- Harris, Jo. (2014). Physical education teacher education students' knowledge, perceptions and experiences of promoting healthy, active lifestyles in secondary schools. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 19. 10.1080/17408989.2013.769506.
- Haydn-Davies. (2010). *Physical Literacy and Learning and Teaching Approaches*. London, New York: Routledge.
- Higgs C. (2010). Physical Literacy Two Approaches, One Concept. *Physical Health Education* 2010;(Spring):6e7.
- Hylton K. (2013). In: Physical literacy, 'race' and the sociological imagination. *International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE)*; 2013. No 65.
- Institute for Public Health (IPH). (2015). *National Health and Morbidity Survey 2015 (Vol. II: Non-Communicable Diseases, Risk Factors & Other Health Problems)*. Kuala Lumpur: Ministry of Health Malaysia; 2015. ISBN 978-983-2387-23-7.
- Killingbeck M. (2007). Physical Education and Physical literacy. *Physical Education Matters* 2: 20-24.
- K.W.R. Sum, T. Wallhead, S.C.A. Ha, H.P.C. Sit. (2018). Effects of physical education continuing professional development on teachers' physical literacy and self-efficacy and students' learning outcomes. *International Journal of Educational Research*, 88, 1-8.
- Liedl R. (2013). A holistic approach to supporting physical literacy. *Phys Health Edu J*, 9, 19.
- Lisa Young, Justen O'Connor, Laura Alfrey & Dawn Penney. (2021). Assessing physical literacy in health and physical education, *Curriculum Studies in Health and Physical Education*, 12(2), 156-179.
- Liu Y., & Chen S. (2021). Physical literacy in children and adolescents: Definitions, assessments, and interventions. *European Physical Education Review*, 27(1), 96-112.
- Longmuir P. (2013). Understanding the Physical Literacy Journey of Children: the Canadian Assessment Physical Literacy. *International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE)*; 2013. No 65.
- Mandigo, J., Francis, N., & Lodewyk, K. (2007). *Physical Literacy Concept Paper*. Canadian Sport for Life.
- Mandigo J., Francis N., Lodewyk K., et al. (2009). Physical Literacy for Educator. *Physical Health Education*, 75(3), 27-30.
- McKean. (2013). Physical Literacy in Children. *The Underpinning Movement Competencies? J Sport Medical Doping Studies*, 3, e135.
- McLennan N., & Thompson J. (2015). *Quality Physical Education (QPE): Guidelines for Policy Makers*. UNESCO Publishing.
- Morgan K., Bryant A., & Diffey F. (2013). The Effects of a Collaborative Mastery Intervention Programme on Physical Literacy in Primary PE. *International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE)*; 2013. No 65.

- Morgenroth, T., Ryan, M., & Peters, K. (2015). The Motivational Theory of Role Modeling: How Role Models Influence Role Aspirants' Goals. *Review of General Psychology, 19*.
- Newton A., & Bassett S. (2013). Embedding physical literacy in teacher education at the University of Bedfordshire. *International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE)*; 2013. No 65.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Analysis using SPSS*. Open University Press.
- Payne, W. R., Reynolds, M., & Brown, S. (2003). Sports role models and their impact on participation in physical activity: A literature review. http://fulltext.ausport.gov.au/fulltext/2002/vic/Role_Model.pdf [20 Februari 2015].
- Pennington, C. G., Curtner-Smith, M. D., & Wind, S. A. (2020). Influence of a physical education teacher's perceived age on high school pupils' perceptions of effectiveness and learning. *European Physical Education Review, 26*(1), 22–35.
- PHE Canada. (n.d.). Physical Literacy. <http://www.phecanada.ca/programs/physical-literacy>. [19 Januari 2020]
- Poh B. K., Ng B. K., Siti Haslinda M. D., Nik Shanita S., Wong J. E., Budin S. B., Ruzita A. T., Ng L. O., Khouw I., & Norimah A. K. (2013). Nutritional status and dietary intakes of children aged 6 months to 12 years: findings of the Nutrition Survey of Malaysian Children (SEANUTS Malaysia). *Br J Nutr.* 2013 Sep;110 Suppl 3:S21-35.
- Rink, J. (2010). *Teaching physical education for learning* (6th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Pot N., & Hilvoorde I. (2013). A critical consideration of the use of physical literacy in the Netherlands. *International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE)*; 2013. No 65.
- Robinson, D. B., Randall, L., & Barrett, J. (2018). Physical Literacy (Mis)understandings: What do Leading Physical Education Teachers Know About Physical Literacy?, *Journal of Teaching in Physical Education, 37*(3), 288-298. <https://journals.humankinetics.com/view/journals/jtpe/37/3/article-p228.xml> [20 Desember 2021].
- Roetert, E. & MacDonald L. C. (2015). Unpacking the physical literacy concept for K-12 physical Education: What Should We Expect the Learner to Master? *Journal Sport Health Science, 4*(2), 108–12.
- Roetert, E. Paul & Jefferies, Stephen. (2014). Embracing Physical Literacy. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance, 85*, 38-40. 10.1080/07303084.2014.948353.
- Tompsett C., Burkett B., & McKean M. R. (2014). Development of physical literacy and movement competence: a literature review. *J Fitness, 3*, 53e74.
- Sum R. K. W., Ha A. S. C., Cheng C. F., Chung P. K., Yiu K. T. C., Kuo C. C., et al. (2016). Construction and Validation of a Perceived Physical Literacy Instrument for Physical Education Teachers. *PLoS ONE, 11*(5), e0155610.
- Suzanne Lundvall. (2015). Physical literacy in the field of physical education – A challenge and a possibility, *Journal of Sport and Health Science, 4*(2).
- Tremblay M., & Lloyd M. (2010). Physical literacy measurement the missing piece. *Physical Health Education Journal, 76*, 26e30.
- Ward, Phillip & Ayvazo, Shiri. (2016). Pedagogical Content Knowledge: Conceptions and Findings in Physical Education. *Journal of Teaching in Physical Education, 35*, 194-207.
- Vescio, J., Crosswhite, J. J., & Wilde, K. (2003). The relevance of sporting role models in the lives of adolescent girls. *The ACHPER Healthy Lifestyles Journal, 50*, 31-36.

- Whitehead, M. (2001). The Concept of Physical Literacy. *European Journal of Physical Education*, 6(2), 127-138.
- Whitehead, M. (2010). *Physical Literacy: Throughout the Lifecourse*. London, New York: Routledge.
- Whitehead M. (2013). Stages in Physical Literacy Journey. *ICSSPE Bull Journal Sport Sciences Physical Education*, 65, 51–55.
- Whitehead, M. (2013). The History and Development of Physical Literacy. *Journal of The International Council of Sport Science and Physical Education*, (65), 18-20.
- Whitehead M. (2001). The Concept of Physical Literacy. *European Journal Physical Education*, 2, 127e38.
- Whitehead M. (2007). Physical Literacy: Philosophical Considerations In Relation To The Development of Self, Universality and Propositional Knowledge. *Sport Ethics Philosophy*, 1, 281e98.
- Wright J., & Burrows L. (2006). Re-Conceiving Ability in Physical Education: A Social Analysis. *Sport Education Social*, 11, 275e91.
- Young, L., O'Connor, J., & Alfrey, L. (2019). Physical literacy: A concept analysis. *Sport, Education and Society*, 1–14.